

Ibu bekerja dapat
tunai seribu ringgit

Muka 5

Pesawah terima RM500
untuk setiap hektar

Muka 15

Bantu 5,000 individu
dapat kerja baharu

Muka 6

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

25 JUN - 1 JULAI 2026

mediaselangor.com

Potongan 50 peratus yuran pelajar TVET

Selangor memperluas pengecualian 50 peratus yuran pengajian kepada pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) melalui peruntukan RM17 juta Basiswa Pendidikan Kita Selangor.

Bantuan itu terkandung dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor yang keseluruhannya bernilai RM355.06 juta. Sebelum ini, hanya penuntut Universiti Selangor dan Universiti Islam Selangor menikmati potongan itu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbang untuk menyediakan inisiatif berbentuk kewangan kepada mahasiswa dari kalangan anak Selangor di institusi pengajian tinggi lain.

MUKA 2

Operasi Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) sepanjang 37.8 kilometer yang menghubungkan Bandar Utama di Petaling Jaya hingga Johan Setia, Klang mula beroperasi pada 29 Jun. Kemudahan itu memperkukuh rangkaian rel bandar utama di Selangor. Foto SYED ABDUL HALIM SYED ABDUL RAHMAN





Pertimbang salur melalui persatuan dan HEP

Perluas potongan yuran pengajian 50 peratus

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SHAH ALAM - Peruntukan sebanyak RM17 juta Biasiswa Pendidikan Kita Selangor akan digunakan bagi memperluas inisiatif potongan 50 peratus yuran pengajian kepada mahasiswa anak negeri.



Bantuan berkenaan antara inisiatif dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor fasa dua yang diperkenalkan bagi menyerap kesan ekonomi ekoran konflik di Asia Barat yang masih berlarutan.

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, inisiatif berkenaan akan diperluas kepada pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) melalui dana tersebut.

Dalam Belanjawan Selangor 2026, mahasiswa Universiti Selangor (Unisel) dan Universiti Islam Selangor (UIS) bagi kemasukan tahun ini menikmati potongan 50 peratus yuran pengajian melalui Bantuan Asas Yuran Universiti (BAYU).

STDC adalah institusi berteraskan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) milik Kerajaan Selangor bagi melahirkan tenaga mahir yang memacu sektor perindustrian.

Amirudin berkata pihaknya juga mempertimbang menyalur bantuan kewangan kepada mahasiswa anak negeri

yang mengikuti pengajian di universiti lain. Kadar dan mekanismenya diumumkan pada Ogos.

Katanya, dana tersebut akan disalurkan kepada anak negeri di institusi pengajian tinggi lain melalui persatuan mahasiswa negeri dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di universiti masing-masing.

"Selain UIS, UNISEL dan STDC, kita akan menggunakan tambahan RM17 juta ini supaya bantuan itu turut meliputi anak-anak Selangor yang sedang belajar dan memerlukan suntikan kewangan.

"Walaupun kita belum dapat menyediakan pendidikan percuma sepenuhnya, sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri berjaya membantu menampung 50 peratus kos pendidikan mereka," katanya.

Beliau menjelaskan bantuan yang disalurkan melalui BAYU merangkumi pembayaran separuh yuran pengajian dan sebahagian lagi melalui Perbadanan Tabung

“Selain UIS, UNISEL dan STDC, kita akan menggunakan tambahan RM17 juta ini supaya bantuan itu turut meliputi anak-anak Selangor yang sedang belajar dan memerlukan suntikan kewangan.”

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Kerajaan Negeri sedang berurusan dengan PTPTN bagi memastikan bayaran 50 peratus yuran dibuat lebih awal setiap tahun supaya pelajar tidak menanggung kadar faedah lebih tinggi.

"Kita akan bayarkan 50 peratus yuran tersebut setiap tahun lebih awal supaya mereka tidak terbeban dengan nilai faedah yang besar daripada PTPTN. Paling tidak, negeri telah membantu menyediakan 50 peratus daripada kos pendidikan mereka," katanya.

Amirudin semasa membentangkan pakej fasa dua itu pada 19 Jun menyatakan inisiatif tersebut bertujuan memastikan anak Selangor tidak tercicir dari melanjutkan pelajaran akibat faktor kewangan.

Pemberian biasiswa berkenaan memberi keutamaan kepada bidang tertentu antaranya sektor elektronik dan elektrik, sains hayat, kecerdasan buatan (AI), kejuruteraan serta automasi.

PELUASAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK MAHASISWA

- Bantuan Asas Yuran Universiti (BAYU) diperkenalkan sejak 2022
- Untuk mahasiswa Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Islam Selangor (UIS)
- Antara 500 hingga 600 pelajar terima manfaat setiap tahun
- Manfaat kewangan antara RM500 hingga RM1,000
- Meliputi pengajian diploma dan ijazah sebelum diperluas kepada Asasi
- Pengecualian 50 peratus yuran untuk kemasukan ke UNISEL dan UIS mulai 2026
- Diperluas kepada pelajar Pusat Pembangunan Teknikal Selangor (STDC)
- Pertimbang beri kepada anak Selangor di institusi pendidikan tinggi lain



Pakej bantuan tangani isu jangka panjang

“Iaitu menyediakan penampunan yang secukupnya agar rakyat tidak terkesan dengan sebarang risiko peningkatan kos sara hidup,” katanya yang tidak menolak kemungkinan pakej fasa tiga diadakan jika krisis berpanjangan.”

SHAH ALAM - Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor penting bagi mengoptimumkan perbelanjaan dan penyusunan semula beberapa perancangan bagi menyerap kesan ekonomi akibat konflik di Asia Barat.

Dato' Menteri Besar Dato' Amirudin Shari menjelaskan pelaksanaan pakej itu memberi fleksibiliti kepada Kerajaan Negeri untuk merangka usaha tersusun berlandaskan fakta dan data.

Beliau mengingatkan serangan yang terus berlaku meskipun perjanjian gencatan senjata 60 hari dimeterai antara Amerika Syarikat dan Iran menunjukkan ketegangan masih berlarutan.

"Itu bermaksud kita harus membuat persediaan jangka masa panjang dan tidak boleh bersifat jangka pendek kerana itu akan memakan sebahagian besar peruntukan kerajaan tanpa mampu menyelesaikan

masalah sebenar.

"Iaitu menyediakan penampunan yang secukupnya agar rakyat tidak terkesan dengan sebarang risiko peningkatan kos sara hidup," katanya yang tidak menolak kemungkinan pakej fasa tiga diadakan jika krisis berpanjangan.

Beliau menegaskan pakej itu penting ekoran ketidakpastian geopolitik dunia memberi kesan kepada bekalan bahan mentah dan perkhidmatan yang signifikan terhadap struktur ekonomi.

"Ketidakpastian ini dijangka berlanjutan paling awal sampai bulan November tetapi ramai yang menjangkakan mungkin akan berlarutan hingga Disember," katanya lagi.

Beliau memberi penekanan penambahbaikan ekosistem pengangkutan awam supaya nisbah pengguna kenderaan per-

sendirian berkurangan kepada 40 peratus berbanding 60 peratus pada masa ini.

Katanya, aspek keterhubungan perlu dipertingkatkan ekoran kemudahan itu belum berkesan sepenuhnya dengan menggalakkan sistem transit atas permintaan dibaiki bagi membawa penduduk ke stesen.

"Kita dapat melihat dengan jelas jurang yang wujud dan perkara itu perlu ditangani oleh para pengendali. Kerajaan Negeri akan menyediakan subsidi bagi menyokong usaha tersebut," katanya.

Namun, Amirudin mengakui pengguna akhirnya akan beralih kepada kenderaan persendirian jika pengangkutan awam tidak praktikal dan menyusahkan.

"Ia bukan sekadar soal kos. Ia berkaitan masa, sama ada perjalanan itu praktikal dan sesuai dengan jadual harian rakyat," katanya.

Pakar sifatkan strategi negeri berfokus

Pendekatan bersasar gerakkan sektor ekonomi

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pelaksanaan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor membantu ekonomi terus bergerak meskipun dalam situasi sebahagian besar masyarakat berdepan kesukaran dalam isu kewangan.

Menurut pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School (PBS), bantuan dalam pakej berkenaan memastikan isi rumah ada wang mencukupi untuk meneruskan kehidupan harian.

Prof Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata usaha itu juga memastikan sektor ekonomi di Selangor tidak perlahan atau merudum sebaliknya berupaya menjaga pertumbuhan ekoran konflik di Asia Barat.

"Yang terjadi adalah kecenderungan orang ramai untuk tidak berbelanja ataupun tidak mampu untuk berbelanja selain peniagaan juga tidak mempunyai pulangan mencukupi untuk membayar gaji pekerja, malah mungkin terpaksa

membuang pekerja dan juga mungkin tutup perniagaan.

"Semua berlaku disebabkan kecairan wang itu tidak ada sebab sama ada mereka tidak ada atau pun mereka tidak berbelanja. Oleh itu, semua inisiatif yang diumumkan oleh Kerajaan Selangor ini adalah untuk memastikan masing-masing mempunyai fiskal yang cukup.

"Maknanya, isi rumah atau individu masih mampu untuk berbelanja membeli barangan asas walaupun harga barangan meningkat tetapi sekurang-kurangnya masih mampu," katanya kepada Media Selangor.

Beliau juga menjelaskan pakej berkenaan juga bukan menggunakan pendekatan secara 'pukul' sebalik bersifat tertumpu kepada golongan sasaran yang benar-benar layak menerima manfaat.

Katanya, pendekatan tersebut memudahkan bantuan disalurkan kepada individu dan kelompok tertentu seterusnya



“Yang terjadi adalah kecenderungan orang ramai untuk tidak berbelanja ataupun tidak mampu untuk berbelanja selain peniagaan juga tidak mempunyai pulangan mencukupi untuk membayar gaji pekerja, malah mungkin terpaksa membuang pekerja dan juga mungkin tutup perniagaan.”

PROF DR AHMED RAZMAN ABDULLATIFF
Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Putra Business School

nya memastikan ekonomi terus berjalan seperti biasa.

Menurut Dr Ahmed Razman, semua inisiatif disasar kepada penerima yang dikenal pasti berpandu data dan maklumat sedia ada, sekali gus memastikan manfaatnya sampai kepada kelompok tepat.

"Semua inisiatif itu sasarannya lebih berfokus dan tidak orang kata secara pukal, maknanya setiap mereka yang layak itu dikenal pasti dan mereka yang layak itulah yang akan menerimanya (manfaat) supaya mereka ini berbelanja ataupun mampu meneruskan aktiviti ekonomi.

"Tujuannya bukannya untuk bagi moratorium supaya lebih pendapatan tapi sebenarnya lebih kepada memastikan apa sahaja aktiviti yang dilakukan itu tidak perlahan dan tidak bergerak perlahan tetapi kekal seperti sebelum ini.

"Itu yang kita nampak kali ini memang berdasarkan bekalan data maklumat sedia ada, maka penerima untuk setiap inisiatif ini memang telah dikenal pasti supaya ini yang sampai kepada sasaran," katanya.

Potongan cukai galak penggunaan teknologi hijau

SHAH ALAM - Rebat cukai taksiran 100 peratus kepada isi rumah yang menggunakan teknologi hijau menggalakkan lebih ramai penduduk mengamalkan gaya hidup mesra alam sekitar.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Iklim Selangor (SCAC), Daniel Lee memberitahu inisiatif tersebut juga mengurangkan beban kewangan penduduk yang melabur dalam penyelesaian mampan.

Katanya, tawaran sedemikian juga mendorong lebih ramai isi rumah di Selangor untuk mengguna pakai teknologi hijau seterusnya menambah kecekapan dan penggunaan sumber boleh diperbaharui.

"Insentif ini sememangnya membantu kerana ia mengurangkan kos untuk mengamalkan teknologi yang bukan sahaja baik untuk alam sekitar, malah menjimatkan kos seperti pemasangan solar bumbung dan sistem penuaian air hujan," katanya.

Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor yang dibentang Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 19 Jun antara lain memberi rebat kepada isi rumah yang memasang sistem teknologi hijau.

Tawaran yang diadakan ekoran kesan ekonomi akibat konflik di Asia Barat sekali gus sebahagian usaha bagi memperce-



“Insentif ini sememangnya membantu kerana ia mengurangkan kos untuk mengamalkan teknologi yang bukan sahaja baik untuk alam sekitar, malah menjimatkan kos seperti pemasangan solar bumbung dan sistem penuaian air hujan.”

DANIEL LEE
Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Iklim Selangor (SCAC)

pat peralihan Selangor ke arah penggunaan tenaga bersih dan mampan.

Daniel Lee juga menyifatkan rebat itu melengkapi insentif sedia ada yang diperkenalkan kerajaan persekutuan bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam kalangan isi rumah.

"Sebagai contoh, inisiatif SuRIA Home bawah program Solar ATAP menawarkan insentif tambahan sehingga RM3,000.

"Terdapat juga pelepasan cukai sehingga RM2,500 kepada isi rumah yang

membeli mesin kompos untuk kegunaan domestik," katanya lagi.

Mengulas sama ada rebat itu cukup untuk menggalakkan penggunaan sistem solar bumbung, sistem penuaian air hujan dan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik (EV), beliau berkata pengurangan kos permulaan faktor penting bagi meningkatkan kadar penggunaannya.

"Kebanyakan aplikasi teknologi hijau mampu memberi penjimatan kos

jangka panjang terutama dengan trend kenaikan harga tenaga ketika ini kerana produk tersebut lebih cekap atau menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui sebagai alternatif.

"Strategi kerajaan untuk membantu menampung kos permulaan adalah tepat bagi menggalakkan penggunaan yang lebih meluas, yang berkemungkinan dapat dikekalkan kerana teknologi ini sememangnya menjimatkan kos," katanya.

FAKTA TEKNOLOGI HIJAU RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (RS-1)

Dalam RS-1, tujuh projek, program dan inisiatif (PPI) digariskan untuk tingkat sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta mesin dan peralatan (M&E) sekali gus realisasikan matlamat mengukuhkan ekonomi negeri.

Antara PPI tersebut adalah wujudkan Pusat Kecemerlangan Solar Fotovolta dengan matlamat jadikan Selangor sebagai pusat kecemerlangan bagi latihan dan pembangunan bakat untuk Industri PV Solar di Malaysia.

Insentif Kerajaan Negeri dan insentif kerajaan persekutuan juga diberi kepada pelabur antarabangsa dan dalam negara yang melibatkan cengkeram premium tanah, penilaian dan yuran lesen perniagaan untuk menarik dan mengekalkan pelabur di Selangor.



Tumpu tugas tanpa dibebani isu penjagaan anak

Sistem sokongan tingkat penyertaan ibu berkerjaya

APA ITU

- Insentif ini bantu ringankan beban wanita bekerja terhadap penjagaan anak-anak, beri peluang untuk hantar anak-anak ke pusat pendidikan dan penjagaan yang selamat serta berkualiti
- Ia antara janji 100 hari Kerajaan Selangor bawah Program 5 Tekad untuk 5 Tahun yang diumumkan pada Ogos 2023
- Seramai 5,000 wanita bekerja terima insentif RM1,000 dengan peruntukan RM5 juta
- Kerajaan Selangor sentiasa sokong wanita untuk kekal bekerja kerana penglibatan mereka menyumbang secara langsung kepada kemajuan ekonomi negeri
- Pendaftaran program bermula 1 November 2023 menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) atau laman sesawang mamakerja.selangkah.my
- Dalam Belanjawan 2026, inisiatif MamaKerja diperluas dengan tawaran bantuan tunai RM100 sebulan selama setahun kepada ibu bekerja yang ada anak berusia enam tahun ke bawah
- Inisiatif berkenaan dijangka memberi manfaat buat 2,166 kanak-kanak di seluruh negeri

SYARAT KELAYAKAN LAIN

- Wanita bekerja dan bermajikan
- Rakyat Selangor (lahir di Selangor atau bermastautin di Selangor melebihi 10 tahun)
- Mengundi di Selangor
- Berpendapatan isi rumah RM8,000 ke bawah
- Individu yang mempunyai akaun Lembaga Hasil Dalam Negeri atau caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Bukan penerima bantuan Asuh Pintar, Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) dan Tunas



Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**

SHAH ALAM - Inisiatif MamaKerja yang menyalur bantuan tunai kepada ibu berkerjaya seiring hasrat supaya penyertaan tenaga buruh wanita meningkat kepada 75 peratus menjelang 2030.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari berkata wanita aset penting kepada pembangunan negeri tetapi mereka memerlukan sistem sokongan kukuh untuk terus aktif dalam pasaran buruh.

"Kita mahu mereka dapat terus berada dalam sektor pekerjaan dengan lebih tenang dan selamat, namun untuk itu, mereka memerlukan sistem sokongan yang kukuh termasuk kemudahan penjagaan kanak-kanak.

"Tambah RM5 juta membolehkan bilangan penerima program MamaKerja ditingkat kepada 10,000 ibu bekerja, sekali gus membantu lebih ramai wanita mengekal penyertaan mereka dalam pasaran buruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas pembentangan Pakej Pengukuhan Daya Tahan



Selangor pada Mesyuarat Khas Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor di sini pada 19 Jun.

Dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor fasa dua, Selangor menambah dana RM5 juta untuk MamaKerja demi memperkukuh sokongan kepada ibu bekerja yang berdepan kos penjagaan anak. Penambahan itu menjadikan peruntukan

keseluruhan meningkat kepada RM10 juta. Bantuan RM1,000 disalurkan kepada 10,000 ibu bekerja yang memiliki anak berusia enam tahun dan ke bawah.

Menurut Anfaal, pemberian tunai RM1,000 melalui program itu meringankan beban belanja penjagaan anak yang ditanggung ibu bekerja terutama situasi kos sara hidup yang semakin mencabar.

Beliau memberitahu bantuan tersebut mengurangkan tekanan kewangan keluarga dan membantu golongan ibu untuk memberi tumpuan kepada kerjaya tanpa dibebani masalah penjagaan anak.

"Kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Selangor ketika ini berada pada sekitar 70.3 peratus dan Kerajaan Negeri menasarkankan peningkatan kepada 75 peratus menjelang 2030," katanya lagi.

PAKEJ DAYA TAHAN SELANGOR FASA 2

- Pentadbiran negeri umum tambahan RM5 juta untuk inisiatif MamaKerja
- Insentif meringankan beban kos penjagaan anak-anak berumur enam tahun dan ke bawah
- Bakal bantu 5,000 wanita yang ingin terus bekerja selepas lahirkan anak
- dengan insentif RM1,000 seorang
- Bantuan kewangan akan disalurkan melalui aplikasi Nine sebagai penghargaan kepada kaum wanita yang berbakti kepada keluarga dan negeri
- Keseluruhan negeri peruntuk RM10 juta dan memanfaatkan 10,000 penerima inisiatif

Lindungi perusahaan kecil, sederhana

SHAH ALAM - Peluasan program Selangor Advance (SA500) antara langkah penting yang membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus berkembang dalam keadaan ekonomi mencabar.

Menurut wakil rakyat Lembah Jaya, PKS adalah tunjang ekonomi negeri yang menyumbang hampir 40 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selain menyediakan hampir separuh peluang kerja di negara ini.

Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Al-Hadad berkata bantuan kepada PKS bukan hanya membantu operasi perniagaan, malah melindungi pekerjaan, kesejahteraan keluarga dan masa depan ekonomi negeri.

"PKS adalah enjin-enjin kecil ekonomi Selangor. Mereka mungkin kecil jika dilihat secara individu tetapi apabila ratusan ribu perusahaan bergerak bersama, mereka menjadi kuasa yang menggerakkan

ekonomi negara.

"Ini membuktikan masa depan ekonomi negara dibina oleh mereka yang bekerja keras setiap hari, sering kali tanpa mendapat perhatian, sebab itu saya menyambut baik inisiatif seperti Selangor Advance atau SA500.

"Apabila kita membantu PKS, kita bukan sekadar membantu perniagaan. Kita sedang melindungi pekerjaan, keluarga dan kita sedang melindungi masa depan negeri ini," katanya pada 20 Jun.

Beliau antara Ahli Dewan Negeri yang menyertai perbahasan dalam sidang khas pembentangan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor di sini.

SA500 diperluas melalui peruntukan RM100 juta bagi membantu aliran tunai syarikat yang berurusan dengan projek infrastruktur negeri, daerah dan pihak



“**PKS adalah enjin-enjin kecil ekonomi Selangor. Mereka mungkin kecil jika dilihat secara individu**

tetapi apabila ratusan ribu perusahaan bergerak bersama, mereka menjadi kuasa yang menggerakkan ekonomi negara.”

SYED AHMAD AL-HADAD
ADN Lembah Jaya

berkuasa tempatan.

Inisiatif dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor fasa dua itu dijangka memanfaatkan kira-kira 500 syarikat serta

kontraktor yang menjalankan urusan perniagaan di Selangor.

Syed Ahmad berkata pakej fasa dua itu penting dalam membantu usahawan dan sektor perniagaan menghadapi cabaran ekonomi semasa selepas memperkukuh kebajikan rakyat dalam fasa satu.

Fasa satu pakej menyediakan pelbagai inisiatif meliputi Jualan Ehsan Rahmah, Baucah Kita Selangor, subsidi pengangkutan awam, sarapan percuma untuk pelajar dan Gudang Makanan Selangor.

"Kerajaan kemudiannya melangkah lebih jauh melalui Fasa 2 yang memberi fokus kepada industri dan perniagaan, usahawan dan belia, golongan rentan serta anak Selangor dan penjawat awam.

"Ini bukan sekadar pakej bantuan atau himpunan angka tetapi satu falsafah pentadbiran yang meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama dasar kerajaan," kata beliau lagi.

Dana RM1.5 juta untuk program kerjaya

Usaha padanan kemahiran pencari kerja, industri

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Program Kerjaya Selangor memudahkan proses pepadanan kemahiran pekerja selain memperluas akses peluang kerjaya kepada mana-mana individu yang kehilangan sumber pendapatan.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu memberitahu sebanyak 12,355 kes hilang pekerjaan berlaku antara awal tahun hingga 12 Jun tetapi 11,347 daripadanya telah mendapat kerja.

Pada masa sama, beliau turut menjelaskan sebanyak 160,566 kekosongan jawatan wujud pada masa ini manakala seramai 29,136 pencari kerja sedang giat mencari peluang kerja baharu.

"Data ini menunjukkan cabaran perlu ditangani bukan semata-mata kekurangan peluang pekerjaan, tetapi bagaimana memastikan pencari kerja dapat dipadankan dengan peluang yang tersedia dengan lebih cepat dan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan pembentangan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor di sini pada 22 Jun.

Dalam pakej berkenaan, Program Kerjaya Selangor yang menerima peruntu-



“Data ini menunjukkan cabaran perlu ditangani bukan semata-

mata kekurangan peluang pekerjaan, tetapi bagaimana memastikan pencari kerja dapat dipadankan dengan peluang yang tersedia dengan lebih cepat dan berkesan,”

V PAPPARAIDU
EXCO Pembasmian Kemiskinan

kan RM1.5 juta memberi keutamaan kepada individu yang kehilangan pekerjaan tahun ini.

Program dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan syarikat dalam sektor peruncitan, pembuatan dan logistik itu menyasar penglibatan 30,000 pencari kerja di seluruh negeri ini.

FAKTA HILANG PEKERJAAN

- 2,355 kes hilang kerja antara awal tahun hingga 12 Jun
- 11,347 daripada jumlah itu telah mendapat kerja semula
- 160,566 kekosongan jawatan wujud
- 29,136 pencari kerja giat kerja baharu

Sumber PERKESO



Menurut Papparaidu, Program Kerjaya Selangor akan memperkukuh latihan peningkatan kemahiran bagi membantu rakyat memperoleh pekerjaan lebih berkualiti dan pendapatan lebih baik.

"Matlamat negeri jelas iaitu memastikan rakyat yang kehilangan pekerjaan tidak dibiarkan berdepan bersendirian sebaliknya dibantu kembali bekerja dan menjana pendapatan," katanya.

Pada 19 Jun, beliau berkata tumpuan program itu terarah kepada padanan kemahiran, penempatan semula tenaga kerja dan membuka lebih banyak peluang kerja kepada individu terjejas.

"Kawasan berkepadatan tinggi seperti Shah Alam dan Petaling diberi keutamaan kerana kawasan ini antara yang paling terkesan dengan perkembangan ekonomi global ketika ini," katanya.

Papparaidu yakin kerjasama dengan Perkeso membantu untuk memastikan proses padanan pekerjaan dapat

dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur berdasarkan data yang dimiliki agensi itu.

Katanya, padanan maklumat sektor industri, majikan dan pencari kerja untuk membantu orang ramai memperoleh pekerjaan sesuai dengan kelayakan, kemahiran serta pengalaman mereka.

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 11 Jun, kadar pengangguran di negara ini meningkat semula kepada tiga peratus pada April 2026 iaitu mencecah seramai 511,800 orang.

Bilangan tenaga buruh meningkat 0.1 peratus kepada 17.33 juta orang pada April berbanding 17.31 juta pada Mac manakala kadar penyertaan tenaga buruh kekal pada 70.9 peratus.

Jumlah penduduk bekerja turut meningkat 0.1 peratus kepada 16.82 juta orang berbanding 16.80 juta pada bulan sebelumnya, menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.


Tumpu 5,000 individu berusia 40 tahun hilang kerja

SHAH ALAM - Seramai 5,000 individu berusia 40 tahun ke atas yang hilang kerja akibat konflik di Asia Barat akan dibantu melalui program Transisi Kerjaya Platform Selangor (PLATS).

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata pihaknya bersama Jawatankuasa Tetap Sumber Manusia akan mengenal pasti individu tersebut menerusi data Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Ahmad Azri Zainal Nor, individu layak akan menerima manfaat PLATS termasuk latihan dan kursus perniagaan, kem keusahawanan serta bantuan pembiayaan sehingga RM10,000 tanpa faedah.

"Mereka juga akan diakses dengan ekosistem perniagaan PLATS selain turut dibantu dari segi pemasaran dan promosi produk. Peserta juga diberi bantuan data internet selama setahun serta elau-



“Sasaran kepada golongan usia 40 tahun ke atas kerana mereka ini berdepan masalah untuk mencari atau dapatkan semula pekerjaan disebabkan faktor umur. Jadi kita tawar jalan keluar bagi kelangsungan sumber pendapatan

AHMAD AZRI ZAINAL NOR
Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

perjalanan.

"Sasaran kepada golongan usia 40 tahun ke atas kerana mereka ini berdepan masalah untuk mencari atau dapatkan

semula pekerjaan disebabkan faktor umur. Jadi kita tawar jalan keluar bagi kelangsungan sumber pendapatan," katanya kepada Media Selangor.

Program itu diperkenal dalam Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor fasa dua bagi memberi peluang kepada individu kehilangan pekerjaan menceburi bidang keusahawanan melalui peruntukan RM4 juta.

Ahmad Azri berkata peserta juga akan dipantau dalam tempoh enam bulan bagi melihat prestasi dan jika mereka berminat untuk terus menjadi usahawan, pelbagai bantuan lain akan dihulur.

"Bagi fasa awal ini, kita sasar 5,000 peserta dahulu. Jika prestasi semua usahawan memberangsangkan, kita akan tingkatkan jumlah pengambilan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri Kota Kemuning mencadangkan Selangor membina pangkalan data bagi mengenal

pasti individu yang kehilangan pekerjaan atau terjejas akibat perubahan industri.

Menurut S Preakas, maklumat tersebut boleh digunakan untuk memadankan tenaga kerja dengan peluang kerja baharu yang diwujudkan hasil peningkatan pelaburan langsung asing (FDI).

"Kajian menunjukkan transformasi digital bukan saja memberi kesan kepada pekerjaan berkemahiran rendah, malah turut memberi impak kepada golongan profesional dan pengurusan.

"Ini bukan sahaja membantu rakyat mendapatkan pekerjaan baharu, malah memastikan pelaburan yang masuk ke negeri ini benar-benar memberi manfaat kepada anak Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor pada 22 Jun.



Oleh HELME HANAFAI

"The strongest of all warriors are these two — time and patience."
— Leo Tolstoy, War and Peace

Dalam peperangan, kemenangan tidak semestinya ditentukan oleh siapa yang mempunyai senjata paling kuat, tetapi oleh siapa yang mempunyai kesabaran paling panjang dan kesediaan untuk menerima realiti baharu yang muncul.

Selepas sehari-hari ketegangan yang mencetuskan kebimbangan dunia, perkembangan terbaru di Switzerland menunjukkan bahawa Iran dan Amerika Syarikat sedang bergerak ke arah satu penyelesaian diplomatik yang mungkin mengubah landskap geopolitik Asia Barat.

Delegasi rundingan Iran yang dikenali sebagai 'Minab 168' meninggalkan Zurich selepas hampir 18 jam rundingan intensif yang bermula Ahad lalu.

Rundingan tersebut berlangsung secara dua hala dan pelbagai hala dengan pengantaraan Qatar dan Pakistan, termasuk satu sesi empat pihak selama 80 minit bersama wakil Amerika Syarikat.

Fokus utama Tehran adalah memastikan Washington melaksanakan komitmen yang dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman (MoU) Islamabad. Pada akhir rundingan, Pakistan dan Qatar mengeluarkan kenyataan bersama yang mengumumkan beberapa perkembangan penting.

Perdana Menteri Pakistan Shehbaz Sharif, menyifatkan pertemuan peringkat tinggi pertama itu sebagai berjaya.

Antara hasil yang dicapai adalah persetujuan mengenai pelan hala tuju ke arah perjanjian muktamad dalam tempoh 60 hari, penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tinggi bagi memantau aspek politik serta permulaan rundingan teknikal yang lebih terperinci.

Jurucakap Kementerian Luar Iran, Esmail Baghaei, mengesahkan perbincangan teknikal antara Iran dan Amerika Syarikat telah pun bermula dengan diketuai Timbalan Menteri Luar Iran, Kazem Gharibabadi.

Menteri Luar Iran, Abbas Araghchi turut mengumumkan beberapa perkembangan yang dianggap sebagai kejayaan besar hasil pengantaraan Pakistan dan Qatar.

Antaranya pelonggaran sekatan eksport minyak dan petrokimia Iran, pembebasan sebahagian aset Iran yang dibekukan, serta pelancaran pelan pembangunan dan pembinaan semula berskala besar.

Satu lagi mekanisme penting yang dipersetujui adalah penubuhan 'sel penyahkonflik' melibatkan pihak berkaitan dan Lubnan bagi

Jalan damai penuh kesamaran



memastikan penghentian operasi ketenteraan di negara itu dipatuhi. Menurut Araghchi, mekanisme ini bakal menjadi 'ujian sebenar' terhadap kesungguhan semua pihak.

Perkembangan ini berlaku ketika Presiden Iran, Masoud Pezeshkian, dijadualkan melawat Pakistan, menandakan peranan Islamabad yang semakin penting sebagai orang tengah dalam krisis tersebut.

Namun, apa yang berlaku selepas memorandum persefahaman itu dimeterai turut menimbulkan reaksi keras di Israel.

Sebahagian media dan pengulas Israel meluahkan kekecewaan terhadap Presiden Donald Trump, malah ada yang melabelkan beliau sebagai pengkhianat dan mendakwa beliau telah meninggalkan Israel.

Hakikatnya, keputusan Trump lebih mencerminkan kepentingan strategik Amerika Syarikat berbanding kepentingan Israel semata-mata.

Setelah operasi ketenteraan gagal mencapai hasil yang diharapkan, Washington memilih untuk mengahadkan kerugian dan mencari jalan keluar melalui diplomasi.

Ramai pengkritik di Israel sebenarnya beranggapan bahawa setiap keputusan Trump akan sentiasa berpaksikan kepentingan Israel.

Persepsi itu kini sedang diuji. Hubungan antara Amerika Syarikat dan Israel sememangnya rapat, tetapi dasar luar Amerika Syarikat akhirnya ditentukan oleh kepentingan nasional Washington sendiri.

Perjanjian ini bukanlah bebas daripada kelemahan. Persoalan mengenai program uranium Iran, pembangunan peluru berpandu serta sokongan Tehran terhadap kumpulan-

kumpulan bersenjata masih belum terjawab sepenuhnya.

Namun, bagi Amerika Syarikat, menghentikan konflik yang

berpanjangan mungkin lebih penting daripada meneruskan peperangan tanpa penghujung yang jelas.

Apa yang sedang berlaku hari ini mungkin bukan kemenangan mutlak bagi mana-mana pihak. Sebaliknya, ia merupakan pengiktirafan bahawa peperangan mempunyai had, manakala diplomasi sentiasa menjadi pilihan terakhir apabila semua pihak mula menyedari kos sebenar sebuah konflik.

Seperti yang difahami Tolstoy lebih dua abad lalu, masa dan kesabaran sering menjadi pahlawan yang paling ampuh.

Dan mungkin, di sebalik bunyi bedilan yang semakin reda, dunia sedang menyaksikan satu hakikat lama yang sering dilupakan: musuh yang bertempur hari ini akhirnya akan kembali duduk semeja esok.

Kediaman Ideal Untuk Keluarga Moden

Direka untuk kehidupan moden, pilihan kediaman yang luas dan selesa amat sesuai untuk gaya kehidupan masa kini. Kesemuanya terletak di perbandaran yang matang 16 Sierra.

- Unit terhad • Berdekatan stesen MRT 16 Sierra (MRT Laluan 2)
- Berhampiran Rafflesia International & Private Schools • Dekat dengan pusat komersial dengan kedai makanan dan barangan keperluan harian



Aster (Rumah Teres 2 Tingkat)

20' x 75'
Daripada RM1.34 juta*
Siap dibina



Oakleaf (Rumah Bandar 3 Tingkat)

26' x 75'
Daripada RM968 ribu*



Burwood (Rumah Berkembar 2 Tingkat)

32' x 75'
Daripada RM1.82 juta*

*Selepas 7% diskaun Bumiputera



Pemaju:
Lush Development Sdn Bhd
199501019432 (348635-D)
(Anak Syarikat IOI Properties Group Berhad)

Pejabat Jualan & Pemasaran:
IOI Galleria @ 16 Sierra
Sierra Alfresco, Jalan Sierra 10/1,
Bandar 16 Sierra
47110 Puchong, Selangor D.E.

Untuk Maklumat:
03-8944 9999
www.ioiproperties.com.my

16
SIERRA
@ Puchong South

SIERRA 5B • Jenis Hartanah: Rumah Bandar 3 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 11100/02-2028/0384(R) • Tempoh Sah: 28/2/2023 - 27/2/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11100-14/04-2027/0318(N)-(S) • Tempoh Sah: 17/4/2024 - 16/4/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSEpang 600-34/1/178(12) • Tarikh Dijangka Siap: April 2026 • Hak Milik Tanah: Pajak 99 Tahun (Sah Sehingga: 29/01/2123) • Bebanan Tanah: Tiada • Jumlah Unit: 272 unit • Harga: RM1,041,000 (Min.) - RM1,211,000 (Maks.)
SIERRA 7A • Jenis Hartanah: Rumah Kluster Berkembar / Berkembar 2 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 11100/02-2028/0384(R) • Tempoh Sah: 28/02/2023 - 27/02/2028 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11100-16/12-2027/1038(N)-(L) • Tempoh Sah: 24/12/2025 - 23/12/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang • No. Rujukan Pelan Bangunan: MPSEpang 600-34/1/231 (7) • Tarikh Dijangka Siap: Disember 2027 • Hak Milik Tanah: Pajak 99 Tahun (Sah Sehingga: 12/11/2124) • Bebanan Tanah: Tiada • Jumlah Unit: 102 unit • Harga: RM1,953,000 (Min.) - RM3,307,000 (Maks.) • 7% Diskaun Bumiputera • Segala maklumat yang terkandung di sini termasuk ukuran dan ilustrasi adalah tertakluk pada pindaan tanpa notis seperti mana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada satu tawaran atau kontrak. Segala ukuran adalah anggaran sahaja. Segala ilustrasi adalah tanggapan pelukis sahaja.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA. MAKLUMAT PEMAJUAN BOLEH DISEMAK MELALUI PORTAL TEDUH.KPKT.GOV.MY

BANTUAN BERSASAR PERISAI EKONOMI RAKYAT

Ketidaktentuan geopolitik dunia yang terus berlautan dijangka memberi kesan besar kepada bekalan bahan mentah dan perkhidmatan yang cukup signifikan terhadap ekonomi negeri.

Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor fasa satu dibentangkan Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 16 April melalui peruntukan RM145.8 juta manakala fasa dua pada 19 Jun membabitkan dana RM209.26 juta.


Inisiatif ini bertujuan menyalur bantuan bersasar kepada golongan rentan dan menggerakkan sektor ekonomi sekali gus menjadi perisai dalam mendepani kos sara hidup yang kian meningkat.



PENAJA

Peruntukan RM4.5 juta disediakan bagi mengelakkan harga bahan makanan naik ekoran kos sewaan dikurangkan

- Potongan 30 peratus selama enam bulan mulai Julai meliputi semua gerai milik pihak berkuasa tempatan
- Seramai 21,234 peniaga kecil terima manfaat tersebut tanpa tidak perlu buat permohonan
- Turut menikmati manfaat ekosistem ekoran PLATS diperluas mulai Mei



USAHAWAN

Peruntukan RM20 juta disediakan melalui Program Dana Pantas Usahawan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana

- Pembiayaan tanpa faedah maksimum RM10,000. Tempoh bayaran semula tiga tahun melalui aplikasi DANA PLUS hasil Kerjasama HIJRAH dan PLATS
- Beri manfaat kepada 2,000 usahawan berdaftar untuk memulakan atau meluaskan perniagaan
- Seramai 6,000 peminjam HIJRAH boleh struktur semula pinjaman tanpa faedah dan caj penalti



PENGANGGUR/ INDIVIDU HILANG PEKERJAAN

Melalui program Transisi Kerjaya PLATS, sebanyak RM4 juta disalurkan bagi membantu pekerja yang hilang mata pencarian atau menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, RM1.5 juta diperuntukkan kepada Program Kerjaya Selangor bagi mewujudkan peluang kerja

- Pendedahan strategi asas keusahawanan dan bimbingan kepada 5,000 penduduk yang hilang kerja tahun ini
- Bantuan data internet 12 bulan untuk akses modul latihan dan mohon pembiayaan perniagaan
- Peserta program dapat elau perjalanan untuk ringankan kos sara hidup
- Pemadanan kemahiran dengan industri berkaitan dengan Kerjasama PERKESO dan syarikat tertentu
- Galak lebih ramai penduduk tempatan ceburi bidang keusahawanan melalui Program Dana Pantas Usahawan

KONTRAKTOR & SYARIKAT

Peruntukan RM100 juta untuk menangani kekangan sektor logistik dan pembuatan melalui program Selangor Advance. Semasa pandemik Covid-19, sebanyak 1,398 syarikat dibantu

- Memanfaatkan 500 syarikat dan kontraktor
- Bantu aliran tunai syarikat dalam projek peringkat negeri, daerah dan PBT
- Tangani peningkatan harga barang akibat gangguan bekalan dan sumber barangan terhadap

PELAJAR & GURU

Biasiswa Pendidikan Kita Selangor diwujudkan untuk elak anak negeri yang berpotensi melanjutkan pelajaran terhalang akibat faktor kewangan. Dana RM20 juta pula untuk Teraju Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisass Smart Selangor (IKTISASS) bagi meramalkan golongan profesional dalam industri penting


- Peluang dapat biasiswa hasil peruntukan RM17 juta. Keutamaan kepada sektor elektronik dan elektrik, sains hayat, kecerdasan buatan, kejuruteraan dan automasi
- Sarapan percuma kepada pelajar 965 sekolah. Setiap hari satu sekolah di setiap PBT terima bantuan tersebut mulai Ogos
- 50 guru ditawarkan kursus pensijilan kecerdasan buatan di bawah Google
- 500 orang ditawarkan pensijilan profesional industri
- 1,000 ditawarkan pensijilan kemahiran Malaysia



PESAWAH & PETANI & PENTERNAK

Sebanyak RM25 juta diperuntukkan mulai Jun bagi menampung kesan kenaikan kos bahan api dan input pertanian manakala RM7 juta untuk kelangsungan kewangan supaya industri berupaya menawarkan peluang kerja dan kerjaya mampan untuk jangka panjang

- Seramai 500 individu ditawarkan pembiayaan RM10,000 seorang melalui Yayasan HIJRAH. Kerajaan Negeri tampung kos faedah supaya pinjaman diberi tanpa faedah
- Kira-kira 7,387 pesawah akan terima RM500 setiap hektar tanah untuk satu musim tanaman
- Dianggarkan 2,920 nelayan dapat RM300 sebulan selama enam bulan
- Sejumlah RM450 disalurkan setiap bulan untuk tempoh enam bulan kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur



PENGGUNA TEKNOLOGI HIJAU

Dana RM5.5 juta disediakan bagi menggalakkan lebih ramai penduduk memanfaatkan teknologi hijau supaya pinjaman membantu Selangor ke arah negeri neutral karbon pada masa depan

- Rebat cukai taksiran 100 peratus bagi tahun 2026 jika pasang satu daripada teknologi hijau iaitu bumbung panel solar, sistem penuaian air hujan, proses kitar semula dan sistem pengkomposan sisa makanan dan unit pengecasan kenderaan elektrik
- Untuk itu, PBT sedia dana RM100,000, RM200,000 dan RM1.5 juta untuk majlis daerah, majlis perbandaran dan majlis bandaraya melalui permohonan bagi meringankan kos penduduk untuk pasang kemudahan tersebut



PENGGUNA PENGANGKUTAN AWAM

Sebanyak RM5.4 juta diperuntukkan, meningkat RM5 juta dari peruntukan asal sekali gus menjadikan keseluruhan peruntukan pengangkutan awam RM10.4 juta.

Seramai 50,000 orang terawal terima RM30 sebulan selama enam bulan untuk menampung tambang van atas permintaan (DRT) yang disalurkan menerusi aplikasi NINE



MASYARAKAT UMUM

Peruntukan RM14 juta disediakan melalui Projek Selangor Penyangg sebagai tambahan kepada dana RM9 juta yang dibentangkan dalam Belanjawan Negeri 2025

- Kualiti taman awam ditambah baik
- Cat semula pangsapuri melebihi 15 tahun
- Prasarana baharu dibina meliputi semua kawasan
- Bekalan makanan termasuk beras dan bahan berprotein terjamin melalui simpanan di Gudang Makanan Selangor. Stok itu berupaya mengawal harga bahan mentah melonjak



WANITA

Peruntukan program MamaKerja sebanyak RM5 juta ditingkatkan kepada RM10 juta manakala dana untuk program Jualan Ehsan Rahmah juga ditambah dari RM5 juta menjadi RM10 juta

- Salur RM1,000 untuk 10,000 wanita berkerjaya bagi menampung kos penjagaan anak-anak berumur 6 tahun dan ke bawah. Bantuan disalurkan melalui aplikasi NINE
- Beli barangan dapur pada harga 30 peratus lebih murah melalui JER yang diadakan sebulan sekali di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN)
- Ibu tunggal berpendapatan RM5,000 ke bawah antara 50,000 individu yang berpeluang terima RM100 selama enam bulan melalui inisiatif Baucar Kita Selangor



PENYEWAWA RUMAH

Selangor memperuntukkan RM2.22 juta bagi memastikan kadar program Smart Sewa antara RM450 sehingga RM1,300 sebulan kekal dan tidak dinaikkan

- Seramai 1,012 penyewa ditawarkan moratorium sewaan mulai Oktober selama tiga bulan
- Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) selaras moratorium mengikut permohonan penyewa
- Ringankan kos sara hidup yang dijangka meningkat dalam beberapa bulan akan datang



PENJAWAT AWAM

Peruntukan RM2.54 juta disediakan untuk bantu mereka yang sedang menjelaskan pinjaman bawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan Negeri

- Beri manfaat kepada 2,333 penjawat awam negeri
- Peluang moratorium pinjaman untuk tempoh tiga bulan antara Oktober hingga Disember

Tanggungjawab bina ekonomi sejahtera



Perancangan ekonomi bukan sekadar persoalan pertumbuhan angka dan peningkatan pendapatan negara. Dalam Islam, ekonomi adalah sebahagian daripada usaha membina kehidupan yang sejahtera, menjaga maruah manusia dan menjamin kelangsungan generasi akan datang.

Oleh itu, perancangan ekonomi rakyat untuk masa depan perlu dibina di atas asas yang kukuh, dengan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama, iaitu jaminan makanan, tempat tinggal dan pembinaan keluarga yang sejahtera.

Islam memandang ketiga-tiga perkara ini sebagai keperluan asas yang berkait rapat dengan maqasid syariah, khususnya dalam menjaga nyawa (hifz al-nafs), keturunan (hifz al-nasl) dan harta (hifz al-mal).

Sesebuah negara yang gagal menjamin perkara-perkara asas ini akan berdepan dengan pelbagai masalah sosial, kemiskinan, keruntuhan institusi keluarga dan jurang ekonomi yang semakin melebar.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Pemilik rumah ini, yang telah memberi mereka makanan untuk menghilangkan lapar dan memberikan mereka keamanan daripada ketakutan." (Surah Quraisy: 3-4)

Ayat ini menunjukkan bahawa antara nikmat terbesar yang Allah kurniakan kepada manusia ialah jaminan makanan dan keamanan. Tanpa kedua-duanya, kehidupan manusia tidak akan mencapai kestabilan.

PERTAMA: Keterjaminan makanan

Makanan merupakan keperluan paling asas dalam kehidupan manusia. Sebab itu, Islam menganjurkan manusia supaya bekerja, bercucuk tanam dan membangunkan sumber ekonomi yang mampu menjamin bekalan makanan secara berterusan.

Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Tidaklah seseorang memakan makanan yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya sendiri." (Riwayat al-Bukhari)

Justeru, perancangan ekonomi rakyat perlu



memberi penekanan kepada sektor makanan dan pertanian. Negara perlu memperkukuhkan industri padi, ternakan, perikanan dan pengeluaran makanan tempatan agar tidak terlalu bergantung kepada import luar.

Dalam kerangka maqasid syariah, keterjaminan makanan merupakan sebahagian daripada usaha menjaga nyawa manusia (hifz al-nafs).

Kelaparan dan kekurangan bekalan makanan bukan sahaja mengancam kesihatan masyarakat, bahkan boleh membawa kepada peningkatan jenayah, pergolakan sosial dan ketidakstabilan negara.

Selain itu, budaya pembaziran makanan perlu dibendung. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang membazir." (Surah al-A'raf: 31)

KEDUA: Tempat tinggal selesa

Rumah bukan sekadar bangunan untuk berteduh, bahkan merupakan tempat lahirnya kasih sayang, pendidikan dan pembangunan insan.

Allah SWT berfirman:

"Dan Allah menjadikan rumah-rumah kamu sebagai tempat ketenangan bagi kamu." - (Surah al-Nahl: 80)

Perkataan 'sakanan' dalam ayat ini menunjukkan bahawa rumah merupakan sumber ketenteraman dan kestabilan hidup manusia.

Oleh sebab itu, antara agenda penting dalam perancangan ekonomi rakyat ialah memastikan setiap keluarga mempunyai akses kepada tempat tinggal yang selesa, selamat dan mampu dimiliki.

Kerajaan dan masyarakat perlu memperbanyakkan projek perumahan mampu milik, mengawal kenaikan harga rumah yang melampau serta memperkenalkan skim pembiayaan yang tidak membebankan rakyat.

Dari sudut maqasid syariah, memiliki tempat tinggal yang sempurna termasuk dalam usaha menjaga nyawa dan harta manusia. Ketiadaan tempat tinggal yang sesuai boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial, tekanan hidup dan keruntuhan institusi keluarga.

KETIGA: Bina keluarga sejahtera

Keluarga adalah asas kepada pembinaan masyarakat dan negara. Sesebuah bangsa yang memiliki keluarga yang stabil akan melahirkan generasi yang kuat dan berdaya saing.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Dan



antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untuk kamu pasangan daripada jenis kamu sendiri agar kamu memperoleh ketenangan daripadanya, dan Dia menjadikan antara kamu kasih sayang dan rahmat." (Surah al-Rum: 21)

Nabi SAW juga bersabda yang bermaksud: "Wahai para pemuda, sesiapa dalam kalangan kamu yang mempunyai kemampuan, maka hendaklah dia berkahwin." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa kemampuan ekonomi mempunyai hubungan yang rapat dengan pembinaan keluarga.

Maka, perancangan ekonomi rakyat hendaklah memberi perhatian kepada peluang pekerjaan yang baik, gaji yang munasabah, perlindungan sosial, pendidikan berkualiti dan bantuan kepada pasangan muda agar mereka mampu membina keluarga yang stabil.

Dalam maqasid syariah, pembinaan keluarga yang sihat merupakan sebahagian daripada usaha menjaga keturunan (hifz al-nasl). Keruntuhan institusi keluarga akan membawa kepada pelbagai masalah seperti jenayah, kemiskinan, tekanan mental dan kerosakan masyarakat.

Kesimpulan

Perancangan ekonomi rakyat untuk masa depan tidak seharusnya hanya diukur melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau peningkatan pelaburan semata-mata.

Ukuran sebenar kejayaan sesebuah negara ialah sejauh mana rakyatnya memiliki jaminan makanan, tempat tinggal yang bermaruah dan keluarga yang sejahtera.

Al-Quran dan hadis memberikan asas yang jelas bahawa kesejahteraan manusia bermula dengan pemeliharaan keperluan asas mereka. Selaras dengan maqasid syariah, dasar ekonomi yang baik ialah dasar yang menjaga nyawa, harta dan keturunan manusia.

Dengan menjadikan tiga perkara ini sebagai keutamaan, negara bukan sahaja dapat melahirkan masyarakat yang makmur, bahkan mampu membina tamadun yang stabil, berakhlak dan berdaya tahan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Cabar diri pecah dominasi lelaki

Oleh FAIZ DANIAL
Foto HAFIZ OTHMAN

Ragbi sering dianggap dunia eksklusif lelaki. Sukan itu bersifat lasak dan penuh aksi pertembungan fizikal hingga ramai beranggapan wanita tidak sesuai berada di tengah-tengah padang.

Namun tanggapan tersebut kian berubah ekoran semakin ramai golongan wanita menyarung jersi dan gigih berlatih sekali gus membuktikan kebolehan mereka tidak kurang 'ganasnya'.

Perkembangan itu dapat dilihat berdasarkan peningkatan penyertaan kaum Hawa dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang melibatkan lebih 10 pasukan wanita dari seluruh negara.

Di Selangor, ragbi wanita rancak berkembang didorong pertambahan kelab dan program pembangunan yang membuka banyak ruang untuk mencuba sukan tersebut tanpa takut atau malu.

Bagi pemain ragbi wanita Selangor, Rozliana Mohd Ridwan dan Nurin Hannan Abd Hadi, perubahan itu membawa makna lebih besar daripada sekadar pertambahan bilangan pemain.

Menurut mereka, ia soal keberanian wanita mencabar stereotaip sekali gus mengubah tanggapan masyarakat terhadap kemampuan wanita dalam acara lasak.

"Jangan takut untuk cuba walaupun orang sekeliling mungkin ragu-ragu pada awalnya. Yang penting kita berani turun padang dan belajar asas dengan betul," kata Nurin Hannan kepada Media Selangor.

Lebih-lebih lagi, ragbi bukan semata-mata bergantung kepada kekuatan fizikal, sebaliknya sukan berkenaan menuntut disiplin tinggi terhadap teknik, strategi dan aspek keselamatan.

Penglibatan Rozliana pula bermula tidak sengaja selepas diajak rakan menyertai sesi latihan ketika berusia 27 tahun. Keputusan spontan mencuba sesuatu yang baharu akhirnya mengubah hala tuju hidupnya.

Dalam tempoh dua hingga tiga minggu selepas mula berlatih, bakat beliau menarik perhatian jurulatih seterusnya dipanggil menyertai sesi pemilihan skuad kebangsaan persiapan Sukan SEA 2017.

"Memang tak jangka. Pada awalnya saya cuma ikut latihan dan belajar asas. Selepas satu kejohanan, ada sesi pemilihan dan nama saya dipanggil," kata Rozliana.

Sebelum ini bermain bola jaring, beliau menganggap penukaran sukan membantu perkembangan pemain baharu lantaran sedia kala memiliki asas stamina, kepantasan dan koordinasi baik.

Saiz bukan halangan

Nurin pula membuktikan saiz tubuh bukan penghalang untuk cemerlang. Beraksi pada posisi 'scrum half', beliau menggunakan kelebihan kelajuan dan kelincahannya untuk mengawal rentak

FAKTA RAGBI WANITA

- Ragbi wanita pertama kali dipertanding di Sukan SEA Singapura pada 2015
- Penyertaan ragbi wanita dalam Sukan SEA 2015 membuka banyak peluang pertandingan kepada atlet wanita Asia Tenggara ke peringkat antarabangsa
- Saiz badan bukan penentu kerana ragbi memerlukan gabungan kelajuan, kemahiran teknikal, kecerdasan taktikal dan semangat berpasukan
- Dalam ragbi moden, kelajuan, teknik dan kefahaman taktikal memberi kelebihan terutama format tujuh sebelah
- Menurut World Rugby, bilangan pemain wanita di seluruh dunia melebihi 2.7 juta orang dan meningkat saban tahun

permainan selain penghubung bahagian hadapan dan barisan belakang pasukan.

Posisi tersebut memerlukan pemain bergerak pantas, bijak membuat keputusan dan cekap membaca ruang. Pemain bertubuh kecil sebenarnya ada kelebihan tersendiri kerana mudah mengelak asakan dan mencipta ruang terutama dalam format tujuh sebelah yang menuntut kepantasan tinggi.

"Setiap posisi ada peranan masing-masing.

Yang penting kita faham tugas dan memanfaatkan kelebihan diri," katanya.

Kisah Rozliana dan Nurin bukan sekadar mengenai ragbi tetapi simbol keberanian wanita mencabar norma serta membuktikan sukan lasak itu juga mampu dikuasai wanita.

Malah, skuad ragbi wanita negeri dijangka menjadi pencabar utama apabila bakal mempertaruh sebahagian besar pemain edisi lalu bagi mempertahankan pingat emas temasya SUKMA kali ini.

Pada edisi lalu di Sarawak, Selangor muncul juara selepas menewaskan tuan rumah 12-7 dalam aksi final di Stadium Miri.

SUKMA 2026 dijadual berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos melibatkan 474 acara daripada 37 jenis sukan di sembilan daerah serta 52 venue pertandingan.



Kediaman Kondominium Di Forest Hill Residences Damansara Perdana

7% Diskaun Bumiputera Unit Terhad!



Kepadatan Rendah

618 Unit Sahaja

Saiz Unit

678 - 1,527 sq.ft.

Semua Unit Lengkap dengan

Separa Berperabot

Ketenangan Fikiran

Keselamatan Multi-Tier

Pemandangan Panorama

Bukit dan Bandar

Susun Atur Praktikal

Ruang Tamu & Dapur Luas

DIJANGKA SIAP DALAM MASA 1 TAHUN

Dibangunkan oleh:

Forest Hill
A member of Ehsan Bina Group

Ketahui Lebih Lanjut:

017 338 5955
www.foresthilldamansara.com



Pemaju: Forest Hill Damansara Land Sdn. Bhd. (200401000534) (639037-D)

No. Lesen Pemaju: 12225/12-2026/0866(A) • Tempoh Sah: 16/12/2016 - 15/12/2026 • Iklan dan Jualan: 12225-2/01-2027/0963(R)-(S) • Tempoh Sah: 16/1/2026 - 15/1/2027 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPJ/120100/T/P10/532/2020(7) • Tarikh Dijangka Siap: Mac. 2027 • Pengangan Tanah: Pajak Tanah (Tempoh tamat pada 4.8.2115) • Bebanan Tanah: RHB Bank • Jenis Bangunan: Pangsapuri Kos Bebas • Harga Jualan Blok A (324 unit) - RM645,600.00 (Min.) - RM1,138,300.00 (Maks.) • Blok B (294 unit) - RM399,000.00 (Min.) - RM1,100,200.00 (Maks.) • Keseluaian Bangunan: 678 kaki persegi - 1527 kaki persegi • Diskaun Bumiputera 7% • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



Gout bukan lagi penyakit orang tua

Oleh RAFIQAH RAUF

Penyakit gout bukan lagi masalah kesihatan yang hanya menyerang warga emas. Kini, semakin ramai golongan muda khususnya lelaki berusia 20-an dan 30-an dikesan menghidap penyakit radang sendi itu akibat perubahan gaya hidup moden.

Situasi tersebut membimbangkan kerana ramai masih menganggap gout sekadar sakit sendi biasa sedangkan penyakit itu boleh membawa komplikasi serius termasuk kecacatan kekal, kerosakan buah pinggang, serangan jantung dan angin ahmar jika tidak dikawal dengan baik.

Pakar Perunding Rheumatologi dan Perubatan Dalaman, Dr Pradeep V Ravindra Dass berkata peningkatan kes gout dalam kalangan orang muda hari ini berkait rapat dengan gaya hidup sedentari (tidak aktif), obesiti dan pemakanan tidak sihat.

Beliau mengakui masyarakat hari ini semakin kurang melakukan aktiviti fizikal berbanding generasi



“

Dulu kita selalu nampak gout dalam kalangan orang berumur 40 tahun ke atas, tetapi sekarang dengan gaya hidup moden, kita boleh nampak pesakit seawal umur 20-an.”

DR PRADEEP V RAVINDRA DASS
Pakar Perunding Rheumatologi dan Perubatan Dalaman

terdahulu yang lebih banyak berjalan kaki atau berbasikal dalam rutin harian.

“Dulu kita selalu nampak gout dalam kalangan orang berumur 40 tahun ke atas, tetapi sekarang dengan gaya hidup moden, kita boleh nampak pesakit seawal umur 20-an.

“Dulu orang banyak berjalan, kayuh basikal. Sekarang nak pergi tempat dekat pun naik kereta. Bila obesiti meningkat, risiko gout pun turut meningkat,” katanya dalam program Bicara Semasa terbitan Media Selangor.

Gout berlaku apabila kandungan asid urik dalam badan terlalu tinggi sehingga membentuk kristal halus di bahagian sendi.

Keadaan itu seterusnya mencetuskan keradangan yang menyebabkan kesakitan melampau, bengkak dan pergerakan menjadi terhad.

Ramai pesakit hanya mendapatkan rawatan apabila mengalami serangan sakit yang teruk sedangkan keradangan akibat gout boleh berlaku secara berpanjangan tanpa disedari.

“Kristal asid urik ini akan menghasilkan radang yang kuat. Kalau berterusan dan tak dirawat, lama-lama ia boleh menghakis tulang.

“Bila tulang dah terhakis, ia boleh patah dan menyebabkan kecacatan kekal. Pada tahap itu, pergerakan pesakit akan menjadi sangat terhad,” jelasnya.

Dari sudut jantina, Dr Pradeep berkata lelaki lebih mudah diserang gout pada usia muda berbanding wanita disebabkan pengaruh hormon estrogen yang membantu wanita menyingkirkan asid urik melalui air kencing.

“Hormon estrogen pada wanita yang masih mempunyai kitaran haid sebenarnya membantu badan mengeluarkan asid urik melalui air kencing. Sebab itu wanita muda lebih terlindung,” katanya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan risiko wanita untuk mendapat gout meningkat selepas putus haid kerana perlindungan hormon tersebut semakin berkurangan.

Sebab itu, Dr Pradeep menegaskan masyarakat perlu mengubah persepsi bahawa gout hanya berpunca daripada makanan laut atau daging merah semata-mata.

Pengambilan gula berlebihan sebenarnya menjadi antara penyumbang utama kepada peningkatan asid urik dalam badan, terutama melalui minuman manis yang diambil setiap hari.

“Majoriti rakyat Malaysia tak minum arak, tapi kes gout tetap tinggi. Salah satu sebabnya ialah pengambilan gula yang berlebihan.

“Ramai elakkan seafood, tapi masih ambil teh ais meleleh dan makanan manis, ditambah pula dengan kurang minum air kosong. Dua perkara ini sering dipandang remeh,” tegasnya.

Walaupun gout merupakan penyakit kronik, Dr Pradeep berkata ia masih boleh dikawal sepenuhnya menerusi rawatan konsisten, pengambilan ubat yang betul serta perubahan gaya hidup lebih sihat.

“Gout tak boleh sembuh sepenuhnya, tapi ia boleh dikawal sepenuhnya. Itu yang paling penting,” katanya.

Gout berlaku apabila kandungan asid urik dalam badan terlalu tinggi sehingga membentuk kristal halus di bahagian sendi. Keadaan itu seterusnya mencetuskan keradangan yang menyebabkan kesakitan melampau, bengkak dan pergerakan menjadi terhad.



FAKTA GOUT

- Gout kerap menyerang golongan muda, termasuk lelaki berusia 20-an dan 30-an
- Gaya hidup moden dan kurang aktiviti fizikal punca peningkatan gout
- Obesiti meningkatkan risiko seseorang mendapat gout
- Lelaki lebih mudah terkena gout pada usia muda berbanding wanita
- Risiko gout dalam kalangan wanita meningkat selepas putus haid
- Gout boleh menyebabkan kecacatan sendi kekal jika tidak dirawat
- Gout boleh menyebabkan pergerakan pesakit menjadi sangat terhad
- Pesakit gout mempunyai risiko lebih tinggi mendapat serangan jantung, angin ahmar dan kerosakan buah pinggang
- Masyarakat salah faham gout hanya berpunca daripada makanan laut atau daging merah
- Pengambilan gula berlebihan juga menjadi punca utama peningkatan asid urik
- Kurang minum air kosong turut menyumbang kepada risiko gout



GEMPUR... Pengerusi Pakatan Harapan (PAKATAN) Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama calon Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor selepas majlis pengumuman di Bukit Gambir, Tangkak pada 22 Jun. PAKATAN akan bertanding semua 56 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam PRN pada 11 Julai. Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan hari penamaan calon pada 27 Jun dan pengundian awal pada 7 Julai. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Elak berjalan kaki ke hab pengangkutan awam

Sedia kemudahan ke stesen LRT

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) kepada semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri perlu bagi memastikan subsidi tambang memberi kesan maksimum kepada rakyat.

Menurut wakil rakyat Subang Jaya, subsidi RM30 sebulan melalui Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor fasa satu berupaya menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Namun, Michelle Ng Mei Sze mengingatkan keberkesanan inisiatif itu bergantung kepada kemudahan yang disediakan kepada orang ramai untuk sampai ke stesen atau hab transit.

Katanya, aspek perjalanan awal dan akhir (first-mile dan last-mile connectivity) harus dibaiki lantaran pengguna terpaksa berjalan kaki atau berbasikal ke stesen atau hab pengangkutan awam.

"Rakyat bukan tidak mahu menaiki LRT atau bas pintar tetapi kekangan fizikal untuk sampai ke stesen tersebut sering kali mengecewakan.

"Justeru, Kerajaan Negeri perlu mengarahkan semua PBT memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf dan memperluas kemudahan pejalan kaki serta laluan basikal berbumbung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ber-

bahas mengenai Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor pada 22 Jun.

Permohonan subsidi tambang van atas permintaan, bas atau kereta api untuk 50,000 penduduk selama enam bulan melalui aplikasi NINE dibuka pada 1 Jun hasil dana keseluruhan RM10.4 juta.

Michelle berkata pelaksanaan KPI dapat memastikan jaringan laluan pejalan kaki yang selamat dan mesra pengguna termasuk golongan kurang upaya (OKU) serta pengguna kereta sorong bayi.

Beliau mencadangkan jaringan laluan basikal yang lengkap diadakan dalam lingkungan 400 meter dari setiap stesen LRT, MRT dan hab pengangkutan utama di kawasan pentadbiran masing-masing.

Menurutnya, usaha meningkatkan kemudahan itu perlu dilaksanakan seiring pengembangan sistem Transit Responsif Atas Permintaan (DRT) yang sedang diperkenalkan Kerajaan Negeri.

"Dengan adanya kemudahan fizikal sebegini pada peringkat tempatan, digabungkan dengan ekosistem DRT yang sedang digerakkan oleh negeri, baharulah kita dapat membina rantaian mobiliti hijau yang praktikal.

"Ini sekali gus memastikan pelaburan berjuta-juta ringgit dalam subsidi pengangkutan awam benar-benar mencapai impak maksimum," katanya.

Nilai keberkesanan bantuan

SHAH ALAM - Mekanisme pemantauan berkala perlu diwujudkan untuk semua inisiatif Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor supaya keberkesannya dapat dinilai secara menyeluruh.

Ahli Dewan Negeri Meru Mariam Abdul Rashid memberitahu kesan pakej berkenaan terhadap masyarakat dapat diukur dengan lebih jelas jika ada sistem pemantauan sedemikian.

Katanya, pakej dua fasa itu tidak seharusnya dilihat sebagai langkah sementara untuk menangani cabaran semasa, sebaliknya ia perlu diperkukuh dan diperluas.

Beliau juga mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan bancia menyeluruh terhadap peniaga jalanan kerana ada dalam kalangan mereka terpaksa berniaga kecil-kecilan akibat kehilangan pekerjaan.

"Meru (juga) mencadangkan bayaran permit dan lesen perniagaan dapat dikurangkan dalam membantu peniaga kecil tanpa kerehah birokrasi," katanya pada 22 Jun.

Beliau berkata demikian dalam sesi perbincangan selepas pembentangan Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor (DNS).

GAMUDA COVE
GAMUDA LAND

LOT KEDIAMAN DI GAMUDA COVE

Potongan Harga 7%
Untuk Unit Bumiputera Sahaja

Lengkap dengan infrastruktur Solar

Bersebelahan 60 ekar Taman Sentral

Rumah Biophilic

MORI PINES

RUMAH TERES & SEMI-D KLUSTER

Keluasan: 20' x 65' | 32' x 70' | 138' x 70' | Keluasan binaan dari 1,785 kps

MIO SPRING

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Keluasan: 26' x 65' | 34' x 60' | Keluasan binaan dari 2,518 kps

THE CLOVE

RUMAH TERES 2 TINGKAT

Keluasan: 45' x 46' | Keluasan binaan dari 2,226 kps

THE CAMELLIA

WETLANDS ESTATES

RUMAH BERKEMBAR

Keluasan dari 36' x 75' | Keluasan binaan dari 2,600 kps

HUBUNGI KAMI SEKARANG

Sincere™ Responsible Original

Gamuda Land (112) Sdn Bhd
(Bersemita Bersekutu)
Pusat Gamuda Sentral
Bangsar Gamuda Cove
42700 Kuala Langat, Selangor, Malaysia

FABC WORLD PEX
OF EXCELLENCE AWARDS
EXCELLENCE IN CUSTOMER SERVICE

NO. 1 THE EDGE
BY REALTY
RECOGNITION AWARDS 2023

100% BILLION RINGGIT CLUB
COMPANY OF THE YEAR

Gamuda Cove
Experience Gallery

gamuland.com.my
03 9212 0455

Pengurangan 30 peratus sewa enam bulan

Salur bantuan untuk elak kenaikan harga barang

Oleh **DEWI ABDUL RAHMAN & ADAM AZMAN**

SHAH ALAM - Peniaga yang beroperasi di premis milik pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta tidak menaikkan harga jualan ekoran pelbagai bantuan disalurkan Kerajaan Selangor kepada mereka.

Menurut EXCO kerajaan tempatan, mereka yang menerima pengurangan 30 peratus kadar sewa enam bulan dan inisiatif perlu memastikan ia diterjemah kepada nilai lebih baik untuk pengguna.

Dato' Ng Suee Lim juga berharap peniaga tidak menjadikan ketidakpastian ekonomi dunia atau kenaikan kos sebagai alasan menaikkan harga berikutan bantuan yang dihulur menyerap kos itu.

"Jika kos operasi dapat dikurangkan melalui bantuan kerajaan, mereka sepa-

tunya kekalkan harga pada kadar terkawal, jika boleh tawarkan harga lebih berpatutan bagi menarik pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulung perbincangan Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor fasa dua di Dewan Negeri Selangor di sini pada 22 Jun.

Dalam pakej berkenaan, semua penyewa premis milik semua PBT di Selangor menikmati pengurangan kadar sewa 30 peratus selama enam bulan.

Mengulas cadangan beberapa wakil rakyat supaya fi lesen perniagaan dikurangkan atau dikecualikan, Suee Lim berkata Kerajaan Negeri sedia mempertimbang cadangan tersebut.

Katanya, Selangor pernah mengecua-

likan fi lesen peniaga selama lapan tahun antara tahun 2016 hingga 2023 bagi mengurangkan kos operasi dan menggalakkan kegiatan ekonomi skala kecil.

"Walaupun fi lesen diperkenalkan semula pada 2024 bagi mengukuhkan kedudukan kewangan PBT, Kerajaan Negeri tetap terbuka untuk meneliti pengurangan atau pengecualian pada masa hadapan, tertakluk kepada kemampuan kewangan PBT dan keadaan ekonomi semasa," katanya.

Sementara itu, pengurangan kadar sewa premis milik PBT berupaya membantu peniaga untuk mengekalkan operasi perniagaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar.


EXCO Pelaburan dan Perdagangan Ng

Sze Han berkata potongan 30 peratus selama enam bulan dalam pakej berkenaan antara langkah proaktif bagi membantu mengurus kenaikan kos operasi.

Katanya, kelangsungan perniagaan tempatan perlu diberi perhatian ekoran sektor itu penting dalam menjana ekonomi masyarakat dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

"Kita perlu pastikan perniagaan tersebut dapat diteruskan supaya ekonomi tempatan terus berjalan dengan lancar dan beri manfaat kepada masyarakat setempat," katanya pada 20 Jun.

Sze Han memberitahu inisiatif berkenaan bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan kewangan peniaga, malah memberi ruang kepada mereka untuk memperkukuh dan mengembangkan perniagaan.



PEGANGAN BEBAS | KLANG SELATAN

MENARA D1

MENARA D2

THE RIVA RESIDENCES

Unit Terhad

Pakej Bumiputera Istimewa*

Gaya Hidup Eksklusif di Tepi Tasik

Gravit8 menawarkan pengalaman kediaman tepi tasik yang tenang, di mana kemewahan dan alam semula jadi bergabung dalam sebuah komuniti moden. Di sini, keseimbangan sempurna antara ketenangan dan gaya hidup bandar mewujudkan kualiti hidup yang lebih baik.

Lengkap Berperabot 551 - 1,054 kps. 1+1 ke 3+1 Bilik Tidur 2 - 3 Parkir

Harga Bermula dari RM450K*

*Tertakluk kepada terma dan syarat | Imej Artis Sahaja

Lokasi strategik di kawasan berkembang pesat Lebih 30 kemudahan gaya hidup sihat Bersebelahan taman tasik seluas Sedia diduduki dengan naik taraf eksklusif

MITRALAND gravit8 011 1638 6882 03 7661 8688

Pemaju: Vibrantline Sdn. Bhd. (1038413-U) 5-28-01, Menara Mitraland, No. 12A, Jalan PJU/11, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor. www.gravit8.com.my www.mitraland.com.my

Certified Bronze GreenRE

1,438 peniaga MPAJ terima potongan sewa

AMPANG JAYA - Sebanyak 1,438 penyewa premis milik Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menikmati pengurangan sewa 30 peratus selama enam bulan melalui Pakej Penguatkuasaan Daya Tahan Selangor fasa dua.

Menurut timbalan yang dipertuannya, MPAJ menanggung pengurangan hasil sekitar RM105,000 sebulan daripada sewa bulanan RM351,000 demi meringankan beban peniaga dan merencanakan ekonomi setempat.

"Untuk enam bulan sekitar RM600,000. Kami berbesar hati dengan inisiatif ini, semoga ia akan bantu peniaga lebih aktif, berdaya saing dan akhirnya beri perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat," kata Ts Hasrolnizam Shaari.

Beliau menghadiri majlis perasmian Konvensyen Pendidikan Ampang Jaya yang disempurnakan Setiausaha Politik Menteri Pendidikan Rozzana Zainal Abidin di Pusat Konvensyen MPAJ pada 23 Jun.

Hasrolnizam mengakui manfaat jangka panjang kepada masyarakat dan ekonomi setempat jauh lebih besar meskipun langkah berkenaan

mengakibatkan pihaknya kehilangan hasil kira-kira RM600,000.

"MPAJ melihat dari sudut holistik, mungkin kehilangan RM600,000 tetapi pembangunan masyarakat dan komuniti peniaga mikro yang lebih kukuh akan memberi manfaat kepada semua pihak.

"Ia akan bantu majlis dalam sudut lain antaranya keharmonian, kesejahteraan dan memudahkan urusan tadbir majlis. Apabila peniaga berkembang dan urusan tadbir menjadi lebih lancar, ia membantu mengurangkan keperluan penguatkuasaan serta memudahkan proses pamtan," katanya.

Dalam pakej yang dibentangkan pada 19 Jun, semua penyewa premis pihak berkuasa tempatan menerima pengurangan kadar sewa 30 peratus mulai Julai hingga Disember 2026 bagi membantu peniaga.

Melalui peruntukan RM4.5 juta, inisiatif secara automatik tanpa permohonan peniaga itu melibatkan semua 12 pihak berkuasa tempatan di negeri ini yang dijangka memanfaatkan seramai 21,234 peniaga.





CERIA... EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin melawat reruai pameran pelajar dalam program Rintis Kesedaran Kesihatan Mental Remaja (PeerZ) di Petaling Jaya pada 18 Jun. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental dalam kalangan remaja. Foto Facebook Jamaliah Jamaluddin

Bantuan untuk pesawah disalur dalam masa terdekat

Dapat RM500 untuk satu hektar

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM & ADAM AZMAN**

SHAH ALAM - Seramai 7,387 pesawah akan menerima bantuan tunai RM500 bagi setiap hektar sawah yang dijangka disalur dalam masa terdekat, kata EXCO Pertanian Dato' Ir Izham Hashim.

Katanya, bantuan itu dikredit ke akaun penerima selepas tapisan Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang serta Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu.

"Satu hektar (sawah) mereka akan mendapat RM500, jadi kalau 10 hektar mereka dapat RM5,000. Kini, dalam proses akhir dan pembayaran akan dibuat dalam masa terdekat untuk pesawah.

"Ini untuk memastikan (bantuan tersebut dapat) mengurangkan beban terutama dari segi kenaikan harga bahan bakar bagi jentera-jentera dalam urusan sawah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulung perbahasan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor fasa dua di Dewan Negeri Selangor di sini pada 23 Jun.

Ir Izham memberitahu Selangor juga menambah RM6 juta susulan kemasukan 742 nelayan kategori C1 (kapal perikanan laut bersaiz lebih besar daripada kelas C) sebagai penerima bantuan.

"Mereka ini telah menerima subsidi,

tetapi dibimbangi tidak mencukupi keperluan minyak, jadi kita tambah lagi RM300, menjadikan keseluruhan RM1,800 untuk enam bulan pada setiap nelayan.

"Ia menjadikan peruntukan keseluruhan sebanyak RM8.5 juta untuk pesawah RM8.5 juta manakala nelayan pula RM3.92 juta," katanya lagi.

Berkaitan bekalan simpanan di Gudang Makanan Selangor (GMS), Ir Izham memberitahu Selangor menambah kuantiti sedia ada secara berperingkat berikutan komitmen kewangan dan logistik yang besar.

Katanya, kira-kira RM50 juta diperlukan bagi mengekalkan simpanan makanan asas seperti ayam, ikan, daging lembu, minyak masak dan beras yang bersamaan 15 peratus keperluan negeri.

"Untuk menyediakan bekalan makanan selama sebulan kepada tujuh juta penduduk Selangor, kita memerlukan kira-kira RM350 juta hanya untuk membeli makanan.

"Jika kita mahu mengekal bekalan makanan selama tiga bulan untuk tujuh juta penduduk, kita perlukan hampir RM1 bilion," katanya yang yakin dapat disediakan bekalan untuk tiga bulan.

Dalam Pakej Pengukuhan Daya Saing Selangor fasa satu, RM50 juta disediakan bagi memastikan bekalan makanan cukup jika ada kecemasan selain mengelak lonjakan harga bahan mentah.

Strategi kebajikan berteras rakyat

SHAH ALAM - Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor yang membuktikan pentadbiran negeri peka terhadap keperluan rakyat yang berdepan kesan ekonomi akibat konflik di Asia Barat berlarutan.

Ahli Dewan Negeri Dusun Tua, Datuk Johan Abdul Aziz menyifatkan bantuan dalam pakej bernilai RM355.06 juta sebagai langkah komprehensif, berstrategi dan berteras kebajikan orang ramai.

Beliau menjelaskan pemberian bantuan dalam pakej itu bukan bersifat populis sebaliknya setiap inisiatif ada sasaran jelas, penerima yang dikenal pasti dan tempoh pelaksanaan yang teratur.

"Ini bukan populisme. Ini adalah tadbir urus yang bertanggungjawab. Setiap peruntukan mempunyai penerima yang jelas, sasaran terukur dan penetapan tempoh pelaksanaan.

"Ini sekali gus membuktikan kepimpinan negeri yang peka, berpandukan data sahih serta bertindak pantas dalam menghadapi sebarang konflik yang melanda," katanya pada 22 Jun.

Beliau berkata demikian dalam sesi perbahasan selepas pembentangan Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor di Dewan Negeri Selangor (DNS) di sini.



*Gambaran Artis

MILIKI RUMAH BERKEMBAR 3 TINGKAT DI ARA DAMANSARA DENGAN 7% DISKAUN BUMIPUTERA

Pegangan Kekal. Hanya 4 Unit Terakhir.

Keunikan Produk :

- ✦ Harga daripada **RM3.8 juta***
- ✦ Susun atur **sesuai untuk pelbagai generasi**
- ✦ Keluasan sehingga **5,112 kaki persegi**
- ✦ **6+2 bilik tidur**
- ✦ Konsep berpotensi untuk **dwi-kunci dan ruang atas bumbung** yang fleksibel

Hubungi:

03 7849 5511

(Galeri Jualan Ara Damansara)

*Tertakluk pada Terma dan Syarat

ARA
DAMANSARA



Sime Darby Property Berhad (197301002148)



MODAL INSAN... Pendebat melontarkan hujah dalam Pertandingan Akhir Debat Piala Dato' Menteri Besar Selangor kategori Institut Pendidikan Tinggi di Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor, Kuala Selangor pada 21 Jun. Universiti Utara Malaysia dinobatkan juara menewaskan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Tempat ketiga milik Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Sultan Zainal Abidin keempat. Foto REMY ARIFIN

Hasil 46 program Iltizam Selangor Penyayang

60,000 ketua isi rumah keluar kategori miskin

Oleh **UFAIRAH TARMIDZI**

SHAH ALAM - Lebih 60,000 ketua isi rumah di Selangor keluar dari kategori miskin dan miskin tegar hasil pelaksanaan pelbagai inisiatif bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Menurut EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu, pencapaian itu antara asas kepada agenda pembasmian kemiskinan yang akan terus diperkukuh menerusi Rancangan Selangor Kedua (RS-2).

Katanya, 46 program bawah Iltizam Selangor Penyayang diadakan sepanjang tempoh RS-1 antaranya bantuan keusahawanan, latihan kemahiran dan penempatan pekerjaan bagi membantu mereka membina sumber pendapatan.

"Usaha pembasmian kemiskinan bukan hanya tertumpu kepada pemberian bantuan semata-mata tetapi melibatkan pembangunan kapasiti individu supaya mereka mampu meningkatkan taraf hidup dan menjana pendapatan secara mampan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjadi tetamu jemputan segmen Teh Tarik Kopi O terbitan Selangor FM di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 23 Jun.

Menurut Papparaidu, kejayaan tersebut hasil kerjasama pelbagai pihak meliputi agensi kerajaan dan institusi kemasyarakatan dalam memastikan bantuan dan program sampai kepada kelompok sasaran.

Namun, beliau mengingatkan isu kemiskinan tidak boleh dianggap selesai sepenuhnya, kerana ada keluarga berisiko kembali dalam kategori miskin ekoran perubahan ekonomi dan faktor semasa.

Justeru, katanya, pemantauan berterusan dibuat melalui pelbagai saluran termasuk rekod masyarakat setempat di rumah ibadat dan sekolah bagi mengenal pasti individu yang memerlukan bantuan.

Mengulas hala tuju RS-2, Papparaidu berkata tumpuan diberi bagi memperkukuh pergerakan sosial, meningkatkan pendapatan isi rumah, membangunkan bakat dan kemahiran masa depan serta mengukuhkan jaringan perlindungan sosial.

Papparaidu juga menggesa penerima bantuan supaya

“

Usaha pembasmian kemiskinan bukan hanya tertumpu kepada pemberian bantuan semata-mata tetapi melibatkan pembangunan kapasiti individu supaya mereka mampu meningkatkan taraf hidup dan menjana pendapatan secara mampan

memanfaat sepenuhnya peluang melalui latihan, pekerjaan dan program pembangunan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing.

"Bantuan yang diberi adalah pemangkin untuk mengubah kehidupan. Penerima perlu memainkan peranan dan berusaha keluar dari kepompong kemiskinan demi masa depan lebih baik," katanya.